

PRAKTIS NOVEL: JALAN KE PUNCAK (TINGKATAN 2)

Binaan plot merupakan elemen penting sesebuah novel. Berdasarkan novel yang telah anda kaji, **huraikan tiga binaan plot** seperti yang dinyatakan dalam rajah di atas.

Novel yang saya kaji ialah Jalan ke Puncak. Tiga binaan plot dalam novel ialah dalam bahagian permulaan, Laiman digambarkan sebagai pemuda yang rajin ketika menjalani latihan industri di sebuah (1)_____ minyak. Tugasnya dilakukan dengan sebaik-baik mungkin. Oleh itu, dia disenangi oleh pengurus dan kawan-kawannya di tempat kerja itu. Sukri yang bertugas di situ mengajak Laiman makan (2)_____ sebagai tanda (3)_____ syarikat kepada Laiman kerana cemerlang ketika (4)_____.

Selain itu, Pada bahagian (5)_____, Laiman berkawan rapat dengan Soniah akan melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama dengan Laiman, iaitu kejuruteraan. Soniah (6)_____ nama Muluk dalam suatu perbualan dia dengan Laiman, tetapi Soniah tidak mahu meneruskan cerita tentang Muluk. Hal ini (7)_____ tanda tanya dalam fikiran Laiman, tetapi dia terpaksa melupakan hal itu kerana Soniah (8)_____ tidak mahu meneruskan ceritanya.

Akhirnya, bahagian (9)_____ cerita pula adalah sewaktu Laiman mula menikmati (10)_____ hidup kerana usahanya dalam bidang pertanian berjaya. Projek ikan air tawar yang diusahakannya juga bakal dijadikan

sebagai projek contoh di (11)_____.Dia juga memikirkan
(12)_____ untuk memulakan hubungan yang baharu dengan Soniah.

penghargaan	peleraian	menimbulkan	bersama-sama
perancangannya	syarikat	kesenangan	menyebut
perkembangan	benar-benar	melaksanakan tugas	daerah Kusilad